

## **RANCANGAN PERNIAGAAN**

Sebelum memulakan perniagaan, usahawan terlebih dahulu perlu mempunyai idea tentang perniagaan yang ingin diusahakannya. Idea perniagaan usahawan ini haruslah bersifat boleh direalisasikan dan tidak hanya berdasarkan imaginasi semata-mata. Idea usahawan ini akan turut mengambil kira beberapa perancangan yang perlu dilakukan oleh usahawan di dalam memastikan perniagaan yang bakal diusahakannya dapat diterjemahkan ke realiti.

Antara persoalan yang harus dititikberatkan oleh usahawan sebelum membuka perniagaannya ialah mengenal pasti:

1. Apakah jenis perniagaan yang ingin diusahakan?
2. Apakah nama perniagaan yang hendak diletakkan?
3. Di manakah lokasi dan alamat perniagaan?
4. Berapakah modal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan?
5. Bagaimanakah modal tersebut diperolehi?
6. Adakah perniagaan akan mendapat untung?
7. Berapakah pekerja yang diperlukan?
8. Bagaimanakah usahawan memperkenalkan perniagaannya kepada pelanggan?
9. Bagaimanakah operasi perniagaan dilaksanakan seharian?

Untuk menjawab kesemua persoalan di atas, maka usahawan haruslah berusaha mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Setelah mendapatkan maklumat yang sah, maka maklumat-maklumat tersebut lebih senang diurus jika

usahawan memasukkan kesemua maklumat tersebut di dalam sebuah dokumen bertulis. Perlunya dokumen bertulis ini agar ia mudah dirujuk dan maklumatnya tidak hilang. Dokumen bertulis yang memuatkan segala maklumat penting perniagaan ini dikenali sebagai Rancangan Perniagaan.

Menurut Azlini, Atikah Nor dan Dayang Hasliza (2011), rancangan perniagaan merupakan kitab atau pencerita kepada perniagaan seseorang usahawan. Semua cerita penting berkaitan perniagaan usahawan seperti maklumat umum berkaitan perniagaan, maklumat perakaunan, operasi, pemasaran dan sebagainya akan dimasukkan ke dalam rancangan perniagaan. Rancangan perniagaan perlu disediakan secara bertulis dan merupakan dokumen rasmi perniagaan di mana usahawan akan menjadikan rancangan perniagaannya sebagai sebuah rujukan dan panduan di dalam menjalankan perniagaannya.

Rancangan perniagaan akan disediakan sebelum usahawan memulakan perniagaan. Ini akan lebih memudahkan usahawan di dalam membuat perancangan teliti berkaitan perniagaan yang ingin diceburinya. Sebarang permasalahan yang dihadapi semasa menyiapkan rancangan perniagaan akan terlebih dahulu diselesaikan oleh usahawan. Kebiasaannya, sukar bagi seseorang usahawan untuk melihat dengan jelas masalah-masalah awal sebelum memulakan perniagaan selagi usahawan tersebut tidak menyiapkan rancangan perniagaannya dengan lengkap. Apabila rancangan perniagaan sudah disiapkan, maka usahawan boleh menterjemahkan apa yang telah disiapkan di dalam dokumen tersebut ke dalam bentuk praktikal iaitu pelaksanaan (memulakan perniagaan).

Kebiasaannya, rancangan perniagaan disediakan oleh usahawan pada tempoh waktu berikut: